

TINJAUAN AWAL KE ATAS PENGHARGAAN KENDIRI DALAM KALANGAN MUALAF

A PRELIMINARY SURVEY ON SELF-ESTEEM AMONG MUALLAF

Nor Syahida Saad^{1*}

Suhaili Arifin²

Ahmad Azrin Adnan^{3,4}

Ruhani Mat Min⁵

Engku Ahmad Zaki Engku Alwi⁶

Siti Salina Abdullah⁷

Fazliyatun Ramley⁸

¹ Fakulti Perniagaan, Ekonomi, dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu (E-mail: p6035@pps.umt.edu.my)

² Fakulti Perniagaan, Ekonomi, dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu (E-mail: suhaili@.umt.edu.my)

³ Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu, 20519, Kuala Terengganu, Terengganu (E-mail: ahmazrin@.unisza.edu.my)

⁴ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia (E-mail: ahmazrin@.unisza.edu.my)

⁵ Fakulti Perniagaan, Ekonomi, dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu

⁶ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia (E-mail: drkuzaki@unisza.edu.my)

⁷ Fakulti Perniagaan, Ekonomi, dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu (E-mail: ctsalina@.umt.edu.my)

⁸ Fakulti Perniagaan, Ekonomi, dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu (E-mail: fazliyatun@.umt.edu.my)

*Corresponding author: p6035@pps.umt.edu.my

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Saad, N. S., Arifin, S., Adnan, A. A., Mat Min, R., Engku Alwi, E. A. Z., Abdullah, S. S., & Ramley, F. (2025). Tinjauan awal ke atas penghargaan sendiri dalam kalangan mualaf. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (75), 1078 - 1090.

Abstrak: Mualaf merupakan individu yang menukar agama asal kepada Islam atas pelbagai faktor. Walau bagaimanapun, mereka sering berdepan dengan cabaran seperti penolakan keluarga dan stigma masyarakat yang boleh menjejaskan penghargaan sendiri mualaf serta kesejahteraan mental. Namun, sehingga kini kajian berkenaan penghargaan sendiri mualaf di Malaysia masih sangat terhad. Justeru, kajian ini dijalankan bagi meninjau tahap penghargaan sendiri mualaf serta meneliti hubungan antara tahap pendidikan dan status perkahwinan dengan tahap penghargaan sendiri. Kajian ini menggunakan reka bentuk deskriptif dan korelasi, menggunakan dua set instrumen utama iaitu: (1) maklumat demografi; dan (2) Rosenberg Self-Esteem Scale (RSES). Seramai 32 daripada 42 orang mualaf di Kuala

Nerus yang berdaftar dengan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) terlibat sebagai responden. Dapatan kajian menunjukkan majoriti muallaf mempunyai tahap penghargaan sendiri yang sederhana, diikuti tinggi dan rendah. Selain itu, terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan dan status perkahwinan dengan tahap penghargaan sendiri muallaf. Kajian ini boleh menjadi asas dalam merangka intervensi yang menyokong pemerkasaan komuniti ini, selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG-3) ke arah kesihatan dan kesejahteraan yang baik.

Kata Kunci: *Cabaran, penghargaan sendiri, muallaf, tinjauan awal, Islam*

Abstract: *Muallaf are individuals who convert to Islam from other religions due to various reasons. However, they often face challenges such as family rejection and social stigma, which can affect their self-esteem and mental well-being. In Malaysia, studies on self-esteem among muallaf are still limited. Therefore, this study aimed to explore the level of self-esteem among muallaf and examine the relationship between educational level and marital status with self-esteem. This study used a descriptive and correlational design, involving two instruments: (1) demographic information and (2) the Rosenberg Self-Esteem Scale (RSES). A total of 32 out of 42 muallaf in Kuala Nerus who are registered under the Islamic Religious and Malay Customs Council of Terengganu (MAIDAM) participated as respondents. The findings showed that most muallaf had a moderate level of self-esteem, followed by high and low levels. Additionally, a significant relationship was found between educational level and marital status, as well as self-esteem levels. This study may serve as a foundation for designing interventions that support the empowerment of this community, in line with Sustainable Development Goal 3 (SDG-3) for good health and well-being.*

Keywords: *Challenges, self-esteem, muallaf, preliminary survey, Islam*

Pendahuluan

Penghijrahan seseorang individu dalam kehidupan untuk memeluk agama Islam merupakan satu titik permulaan baharu yang penuh cabaran. Golongan ini perlu berdepan dengan cabaran perubahan identiti, nilai, amalan harian serta persepsi masyarakat terhadap diri mereka. Muallaf atau turut dikenali sebagai saudara baru merupakan individu yang bertukar pegangan kepada ajaran Islam (Abdul Rahman *et al.*, 2020; Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010). Sungguhpun begitu, proses pertukaran agama bukanlah satu perkara yang mudah. Hal ini kerana ia memerlukan tempoh masa yang tertentu bergantung kepada kemampuan seseorang untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan baharu (Aliakbar & Rasip, 2024).

Walau bagaimanapun, kehidupan muallaf tidak lari daripada cabaran berterusan yang melibatkan cabaran luaran dan cabaran dalaman. Antaranya, termasuklah kemurungan, pengasingan diri, kebimbangan, dan kurang motivasi dalam kehidupan (Abd Rahman *et al.* 2022; Ali & Abdullah, 2020; Shahrudin *et al.* 2017). Kesemua cabaran ini menjadi halangan terbesar untuk mereka berkembang dengan lebih baik dalam kehidupan baharu kerana ia bukan hanya berlaku selepas memeluk Islam, bahkan sebelum bergelar muallaf juga. Hal ini telah membuka ruang kepada gangguan emosi yang akhirnya menjejaskan penghargaan diri mereka kerana bimbang akan terpengaruh oleh pemikiran orang lain (Yasin *et al.*, 2018).

Aspek penghargaan sendiri menjadi faktor utama yang mempengaruhi tahap kesejahteraan emosi seseorang (Neff & Vonk, 2009; Rosenberg, 1965). Seseorang yang memiliki tahap harga diri yang baik memiliki keberanian dan keyakinan terhadap kemampuan diri untuk berdepan dengan sesuatu situasi (Junid *et al.*, 2022). Sebaliknya, penghargaan sendiri yang rendah sering dikaitkan dengan rasa tidak layak, keraguan diri, dan kecenderungan kepada masalah kesihatan mental seperti kemurungan dan keresahan (Rosenberg, 1965). Dalam konteks kehidupan seorang mualaf, ujian yang menimpa diri mualaf secara berterusan mampu melemahkan semangat mereka untuk kekal beristiqamah dalam naungan Islam (Ali & Abdullah, 2020; Shahrudin *et al.*, 2017). Hal ini disebabkan penghargaan sendiri turut menyumbang kepada kesejahteraan psikologi mualaf (Ahmad & Abd Rahman, 2020; Yasin *et al.*, 2018). Analoginya, seseorang mualaf yang memiliki keyakinan dalam membuat keputusan untuk berhijrah ke agama Islam memiliki penghargaan diri yang baik kerana dia percaya dengan pilihan yang dibuat.

Sehubungan itu, isu penghargaan sendiri ini wajar diberi perhatian yang serius memandangkan mualaf tergolong dalam komuniti rentan di Malaysia. Kajian yang memberi tumpuan kepada aspek penghargaan sendiri dalam kalangan mualaf bukan sahaja penting dari sudut psikologi dan interaksi sosial, malah seiring dengan laungan kerajaan untuk mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG-3) iaitu Kesihatan dan Kesejahteraan yang memberi penekanan terhadap keperluan menjaga kesejahteraan mental dan emosi setiap lapisan masyarakat (United Nations, 2015). Selain itu, fokus kajian ini turut menyokong Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) yang menekankan kepada prinsip “Tiada sesiapa yang ketinggalan” bagi mengukuhkan perpaduan masyarakat Malaysia. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bertujuan bagi menyumbang kepada pengukuhan pemahaman berkenaan psikologi mualaf khususnya dari sudut penghargaan sendiri.

Permasalahan Kajian

Berdasarkan pelbagai cabaran yang dihadapi oleh golongan mualaf, aspek penghargaan sendiri menjadi komponen utama yang perlu diberi perhatian. Namun, sehingga kini aspek penghargaan sendiri mualaf yang meneliti secara khusus isu ini masih terhad di Malaysia. Kebanyakan kajian lepas lebih banyak menumpukan kepada cabaran yang dihadapi oleh mualaf seperti kajian Aliakbar & Rasip (2024); Awang *et al.* (2022); Kawi & Tan Abdullah (2020); dan Mazlan & Mohad (2022). Kajian yang dijalankan oleh Yasin *et al.* (2018) merupakan antara kajian terawal yang memberi fokus kepada penghargaan sendiri mualaf secara langsung, manakala kajian lain hanya menyentuh isu ini sebagai salah satu cabaran yang dihadapi. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat kelompangan dalam literatur berkaitan aspek ini yang perlu diisi melalui penyelidikan mendalam.

Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti tahap penghargaan sendiri dalam kalangan mualaf di negeri Terengganu. Selain itu, kajian ini turut bertujuan untuk mengkaji hubungan antara tahap pendidikan dan status perkahwinan dengan tahap penghargaan sendiri mualaf.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif berikut:

1. Mengkaji tahap penghargaan sendiri dalam kalangan mualaf di negeri Terengganu.
2. Mengenal pasti hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan dengan tahap penghargaan sendiri dalam kalangan mualaf di negeri Terengganu.
3. Mengenal pasti hubungan yang signifikan antara status perkahwinan dengan tahap penghargaan sendiri dalam kalangan mualaf di negeri Terengganu.

Hipotesis Kajian

Ha1: Terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan dengan tahap penghargaan sendiri dalam kalangan mualaf di negeri Terengganu.

Ha2: Terdapat hubungan yang signifikan antara status perkahwinan dengan tahap penghargaan sendiri dalam kalangan mualaf di negeri Terengganu.

Tinjauan Literatur

Tinjauan literatur membincangkan tiga aspek utama iaitu penghargaan sendiri, hubungan antara tahap pendidikan dengan tahap penghargaan sendiri, dan hubungan antara status perkahwinan dengan tahap penghargaan sendiri.

Penghargaan Kendiri

Penghargaan sendiri secara konseptual merujuk kepada bagaimana seseorang menilai, menghargai, dan menerima dirinya sendiri secara positif (Rosenberg, 1965). Bagi Neff (2011) pula, individu dengan penghargaan sendiri yang tinggi memiliki keyakinan terhadap diri sendiri serta mampu menghindari tekanan kerana memiliki kekuatan dalaman yang baik.

Kajian mengenai penghargaan sendiri dalam kalangan mualaf di Malaysia masih terhad. Berdasarkan kajian lepas yang dilakukan oleh Yasin *et al.* (2018) menunjukkan bahawa penghargaan sendiri mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kesejahteraan psikologi mualaf. Responden daripada Pertubuhan Kebajikan Islamiah Malaysia (PERKIM) dan Institut Dakwah Islamiah (IDIP) dalam kajian ini memiliki tahap penghargaan sendiri yang baik serta lebih bersedia menyesuaikan diri dengan perubahan kehidupan baharu selepas memeluk Islam. Dapatan ini menegaskan bahawa penghargaan sendiri bukan sahaja penting untuk kestabilan emosi, malah menyumbang kepada kekuatan dalaman dan keyakinan diri mualaf sebagai seorang Muslim.

Walau bagaimanapun, kajian lain berkaitan penghargaan sendiri telah dijalankan dalam konteks kumpulan rentan yang berbeza. Sebagai contoh, Junid *et al.* (2022) meneliti tahap penghargaan sendiri remaja di pusat pemulihan akhlak, manakala Hussain *et al.* (2024) mengkaji hubungan antara penghargaan sendiri dengan tahap kegembiraan dalam kalangan kaunselor. Walaupun tidak menekankan komuniti mualaf secara langsung, dapatan ini memberikan gambaran bahawa penghargaan sendiri merupakan elemen penting dalam menentukan perkembangan psikologi dan sosial manusia, serta memberikan motivasi kepada individu untuk lebih yakin ketika berinteraksi dengan orang lain.

Selain itu, kajian luar negara oleh Paramita dan Saifullah (2022) mendapati bahawa pendekatan kaunseling Islam dalam sesi kaunseling mampu meningkatkan penghargaan diri seseorang mualaf di Bali. Antara aspek yang diketengahkan termasuklah galakan untuk berfikir positif, reda dengan keadaan yang dihadapi, serta mengamalkan aktiviti kerohanian seperti melazimi

istighfar. Pendekatan ini didapati berkesan dalam membantu mualaf untuk mencapai ketenangan serta keyakinan dalam menjalani kehidupan.

Hubungan antara Tahap Pendidikan dengan Tahap Penghargaan Kendiri

Tahap pendidikan formal mualaf memainkan peranan penting dalam membentuk penghargaan sendiri mereka, terutamanya dari aspek kemampuan individu untuk memahami diri, perkembangan potensi, dan keyakinan diri. Kajian oleh Mat Rani *et al.* (2022) menunjukkan bahawa keberkesanan kelas pendidikan mualaf melalui program mentor-mentee dapat memberi impak positif terhadap kepuasan pelajar dan keyakinan diri mereka. Kajian tersebut menekankan bahawa guru yang memiliki kemahiran komunikasi, pengajaran dan bimbingan yang baik mampu meningkatkan kefahaman serta kepuasan mualaf dalam sesi pembelajaran.

Keadaan ini secara tidak langsung mendorong kepada tahap penghargaan sendiri yang lebih tinggi. Pendekatan pengajaran yang bersifat kaunseling serta motivasi turut membantu pelajar mualaf menyesuaikan diri dengan identiti baharu sebagai Muslim serta lebih terbuka menerima sokongan tersebut. Oleh itu, tahap pendidikan yang lebih tinggi berpotensi menjadi pemangkin kepada pengukuhan penghargaan sendiri dalam kalangan mualaf.

Hubungan antara Status Perkahwinan dengan Tahap Penghargaan Kendiri

Status perkahwinan juga antara faktor sosiodemografi yang memainkan peranan penting dalam membentuk tahap penghargaan sendiri mualaf. Perkahwinan yang stabil dapat menyediakan sokongan emosi, sosial dan ekonomi yang menjadi asas kepada pembentukan identiti individu (Mohd Saat & Azahari, 2022). Dalam konteks mualaf, pasangan suami atau isteri yang beragama Islam sering menjadi sumber sokongan utama dalam membantu proses penyesuaian diri mualaf. Sebaliknya, mualaf yang tidak memiliki pasangan atau berstatus ibu atau bapa tunggal lebih terdedah kepada cabaran dalam kehidupan baharu.

Kajian oleh Zulkepli *et al.* (2020) mendapati bahawa ibu tunggal amat memerlukan sokongan moral daripada keluarga serta bekas pasangan, khususnya dalam aspek penjagaan kebajikan anak-anak. Ketiadaan sokongan ini boleh menjejaskan kestabilan emosi sekaligus melemahkan penghargaan sendiri mereka. Selain itu, kajian daripada Syed Ismail al-Qudsy dan Hamidi (2020) menunjukkan bahawa pelbagai isu berkaitan perkahwinan mualaf seperti penceraian, pengesahan status perkahwinan, dan tuntutan harta sepencarian boleh memberi kesan psikologi yang besar terhadap kesejahteraan diri mereka. Ketidakstabilan dalam perkahwinan boleh menimbulkan rasa tidak dihargai, kecelaruan identiti dan konflik emosi yang akhirnya menjejaskan penghargaan sendiri dalam kalangan mualaf. Justeru, status perkahwinan bukan sekadar maklumat demografi, tetapi turut memberi kesan kepada penghargaan sendiri mualaf.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian membincangkan reka bentuk kajian, sampel dan teknik persampelan, instrumen kajian, dan prosedur kajian.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kombinasi reka bentuk deskriptif dan korelasi. Reka bentuk deskriptif digunakan untuk memperihalkan isu, fenomena atau situasi dengan tujuan memahami kedudukan sesuatu perkara secara sistematik (Darusalam & Husin, 2021; Mellinger & Hanson, 2016). Reka bentuk ini turut membolehkan pengkaji merumuskan

dan menghuraikan data tanpa analisis mendalam. Selaras dengan objektif kajian, pendekatan deskriptif digunakan untuk menentukan tahap pemboleh ubah bebas seperti tahap pendidikan dan status perkahwinan, serta pemboleh ubah bersandar iaitu tahap penghargaan sendiri.

Seterusnya, reka bentuk korelasi ini digunakan bagi mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar, sama ada hubungan tersebut bersifat positif ataupun negatif (Darusalam & Hussin, 2021). Dalam konteks ini, pendekatan korelasi diaplikasikan untuk mengkaji hubungan antara tahap pendidikan dan status perkahwinan dengan tahap penghargaan sendiri dalam kalangan mualaf. Instrumen soal selidik digunakan bagi membolehkan data dianalisis secara kuantitatif (Darusalam & Hussin, 2021). Data yang diperoleh dianalisis menggunakan statistik deskriptif (min, sisihan piawai, frekuensi dan peratus), serta statistik inferensi korelasi dengan menggunakan ujian Somers' *d* bagi menentukan hubungan antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar.

Sampel dan Teknik Persampelan

Populasi kajian ini terdiri daripada 42 orang mualaf yang berdaftar dengan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) di daerah Kuala Nerus, berdasarkan rekod rasmi MAIDAM. Kajian ini menggunakan teknik persampelan bertujuan, iaitu pemilihan responden yang memenuhi kriteria tertentu yang ditetapkan oleh penyelidik (Noor & Fuzi, 2024). Teknik ini dipilih bagi memastikan kebolehpercayaan dan kesahan kajian dapat ditingkatkan (Rahman, 2023).

Dalam kajian ini, kriteria pemilihan responden adalah: (i) mualaf yang berdaftar dengan MAIDAM, (ii) menghadiri kelas bimbingan di daerah Kuala Nerus, dan (iii) berumur 18 tahun ke atas. Berdasarkan kriteria tersebut, hanya 32 orang mualaf yang hadir semasa sesi pengumpulan data telah dipilih sebagai sampel kajian, sementara selebihnya tidak terlibat kerana tidak hadir pada hari berkenaan.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan dua set instrumen, iaitu: (1) maklumat demografi responden bagi mendapatkan maklumat asas responden, dan (2) *Rosenberg Self-Esteem Scale* (RSES) yang dibangunkan oleh Rosenberg (1965) bagi mengukur tahap penghargaan sendiri individu. Instrumen RSES terdiri daripada 10 item merangkumi lima item positif (1,2,4,7,10) dan lima item negatif (3,5,6,8,9). Skala Likert 4 mata digunakan iaitu 1= Sangat Tidak Setuju; 2= Tidak Setuju; 3= Setuju; dan 4= Sangat Setuju. Skala ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu (RSES-M) oleh Yaacob (2006). Nilai kebolehpercayaan instrumen ini adalah tinggi, iaitu $\alpha = 0.77$ (Lim *et al.*, 2019). Skor yang tinggi menunjukkan penghargaan sendiri yang positif, manakala skor yang rendah menunjukkan tahap penghargaan sendiri yang rendah dan memiliki isu keyakinan diri.

Prosedur Kajian

Kajian ini dapat dilaksanakan setelah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Etika Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dengan nombor rujukan UMT/JKEPM/2024/233. Selain itu, kebenaran bertulis oleh pihak pentadbiran MAIDAM turut diperoleh untuk mendapatkan data mualaf di daerah Kuala Nerus. Sebelum proses pengumpulan data dijalankan, setiap responden diberi taklimat ringkas secara bersemuka berkenaan tujuan kajian

dan prosedur yang terlibat. Borang persetujuan turut diberikan dan ditandatangani sebagai tanda persetujuan penyertaan mereka dalam kajian ini.

Dapatan Kajian

Jadual 1 menunjukkan taburan maklumat demografi responden golongan mualaf yang terdiri daripada aspek jantina, umur, tahap pendidikan, dan status perkahwinan. Seramai 32 orang mualaf daripada Kelas Bimbingan Saudara Kita (KBSK) di daerah Kuala Nerus, Terengganu telah terlibat dalam kajian ini.

Dari segi jantina, bilangan mualaf perempuan adalah lebih tinggi iaitu seramai 21 orang (65.6%) berbanding 11 orang lelaki (34.4%). Dari aspek umur, majoriti responden berusia 41 tahun ke atas iaitu seramai 18 orang (56.3%), diikuti 5 orang (15.6%) berumur antara 31 hingga 35 tahun, dan 4 orang (12.5%) yang berusia 36 hingga 40 tahun. Manakala, 2 orang (6.3%) masing-masing berada dalam lingkungan umur 18 tahun ke bawah dan 19 hingga 25 tahun, serta hanya 1 orang responden (3.1%) berumur antara 26 hingga 30 tahun.

Bagi tahap pendidikan, majoriti responden memiliki pendidikan menengah iaitu 13 orang (40.6%), diikuti oleh STPM/ Diploma/ Matrikulasi/ Sijil seramai 7 orang (21.9%), pendidikan rendah sebanyak 6 orang (18.8%), dan 4 orang (12.5%) berkelulusan ijazah. Hanya 2 orang (6.3%) tidak mempunyai pendidikan formal. Dari segi status perkahwinan, kebanyakan responden telah berkahwin iaitu seramai 22 orang (68.8%). Manakala responden yang masih bujang dan telah bercerai mencatatkan jumlah yang sama iaitu sebanyak 5 orang masing-masing (15.6%).

Jadual 1: Maklumat Demografi Responden

Maklumat Demografi		Kekerapan (f)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	11	34.4
	Perempuan	21	65.6
Umur	18 tahun ke bawah	2	6.3
	19-25 tahun	2	6.3
	26-30 tahun	1	3.1
	31-35 tahun	5	15.6
	36-40 tahun	4	12.5
	41 tahun ke atas	18	56.3
Tahap Pendidikan	Tidak Bersekolah	2	6.3
	STPM/ Diploma/ Matrikulasi/ Sijil	7	21.9
	Pendidikan Menengah	13	40.6
	Pendidikan Rendah	6	18.8
	Ijazah	4	12.5
Status Perkahwinan	Bujang	5	15.6
	Berkahwin	22	68.8
	Berceraai	5	15.6

Seterusnya, Jadual 2 menunjukkan tahap penghargaan sendiri dalam kalangan mualaf yang mengikuti Kelas Bimbingan Saudara Kita (KBSK) di daerah Kuala Nerus. Hasil analisis deskriptif menunjukkan bahawa nilai min keseluruhan penghargaan sendiri adalah 27.75,

dengan sisihan piawai sebanyak 2.565. Sebanyak 25 orang responden (78.1%) memiliki tahap penghargaan sendiri yang sederhana, diikuti oleh 6 orang (18.8%) yang mempunyai tahap penghargaan sendiri yang tinggi, dan hanya 1 orang (3.1%) yang mencatatkan tahap rendah.

Jadual 2: Tahap Penghargaan Kendiri Mualaf

Penghargaan Kendiri	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Rendah	1	3.1
Sederhana	25	78.1
Tinggi	6	18.8
Jumlah	32	100

Min= 27.75

Sisihan Piawai = 2.565

Jadual 3 menunjukkan perincian analisis deskriptif di mana skor minimum yang diperolehi adalah 20, manakala skor maksimum adalah 32, menghasilkan julat sebanyak 12 mata. Nilai sisihan piawai 2.565, menunjukkan bahawa taburan skor responden adalah kecil, dan kebanyakan responden memberikan respons yang hampir seragam.

Jadual 3: Analisis Statistik Deskriptif bagi Penghargaan Kendiri Mualaf

	Min	Sisihan Piawai	Julat	Minimum	Maksimum
Penghargaan Kendiri	27.75	2.565	12	20	32

Seterusnya, Jadual 4 menunjukkan keputusan ujian korelasi Somers' d yang dijalankan bagi menilai hubungan antara tahap pendidikan dengan tahap penghargaan sendiri. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan secara statistik, $d = .420$, $p = .018$. Nilai positif Somers' d menunjukkan bahawa semakin tinggi tahap pendidikan, semakin besar kecenderungan seseorang mualaf untuk memiliki tahap penghargaan sendiri yang lebih baik.

Jadual 4: Hubungan antara Tahap Pendidikan dan Penghargaan Kendiri

Pemboleh Ubah Bebas	Pemboleh Ubah Bersandar	N	Somers' D	P
Tahap Pendidikan	Penghargaan Kendiri	32	.420	.018

Jadual 5 pula menunjukkan keputusan ujian korelasi Somers' d dijalankan untuk menilai hubungan antara status perkahwinan dengan tahap penghargaan sendiri. Dapatan turut menunjukkan hubungan yang signifikan secara statistik, $d = .318$, $p = .035$. Nilai Somers' d yang positif ini mencadangkan bahawa status perkahwinan yang berbeza memiliki kaitan dengan tahap penghargaan sendiri mualaf. Mereka yang telah berkahwin menunjukkan kecenderungan terhadap tahap penghargaan sendiri yang lebih tinggi berbanding responden yang bujang atau pernah bercerai.

Jadual 5: Hubungan antara Status Perkahwinan dan Penghargaan Kendiri

Pemboleh Ubah Bebas	Pemboleh Ubah Bersandar	N	Somers' D	P
Status Perkahwinan	Penghargaan Kendiri	32	.318	.035

Perbincangan

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap penghargaan sendiri dalam kalangan mualaf yang mengikuti Kelas Bimbingan Saudara Kita (KBSK) di daerah Kuala Nerus berada pada tahap sederhana, diikuti oleh tahap tinggi dan rendah. Dapatan ini menggambarkan bahawa sebahagian besar mualaf memiliki tahap penghargaan sendiri yang sederhana, namun masih dalam proses membina keyakinan dan menyesuaikan diri dengan kehidupan sebagai Muslim. Walaupun terdapat segelintir yang memiliki tahap tinggi, ini biasanya berkait rapat dengan penerimaan diri yang kukuh, akses kepada pendidikan agama serta memperolehi sokongan moral daripada komuniti Muslim secara berterusan (Sukhairi *et al.*, 2025). Sebaliknya, mereka yang berada pada tahap rendah berpotensi untuk menghadapi cabaran seperti kurangnya sokongan sosial serta pengalaman diskriminasi yang menjejaskan keyakinan diri (Junid *et al.*, 2022).

Dapatan ini konsisten dengan kajian Yasin *et al.* (2018) yang turut menunjukkan tahap penghargaan sendiri mualaf yang baik berdasarkan skor min yang diperoleh iaitu 27.18, dengan sisihan piawai 3.44. Kajian ini turut menegaskan bahawa penghargaan sendiri memberi kesan signifikan terhadap kesejahteraan psikologi mualaf, iaitu individu dengan tahap penghargaan sendiri yang lebih tinggi berpotensi untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu dalam komuniti Islam. Oleh itu, hasil dapatan menunjukkan bahawa penghargaan sendiri dalam kalangan mualaf adalah stabil tanpa perbezaan ketara antara individu.

Seterusnya, dapatan kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan dengan tahap penghargaan sendiri mualaf di Kuala Nerus. Ini menunjukkan bahawa individu dengan tahap pendidikan yang lebih tinggi cenderung mempunyai tahap penghargaan sendiri yang lebih positif. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Mat Rani *et al.* (2022) yang mengukur keberkesanan kelas pendidikan mualaf melalui program mentor-mentee. Kajian ini menekankan bahawa kemahiran guru dan pendekatan bimbingan kaunseling serta motivasi boleh membantu meningkatkan kepuasan pelajar dalam mendalami ilmu serta membina identiti diri yang positif. Secara tidak langsung, dapat memperkukuh keyakinan dan penghargaan sendiri mualaf.

Di samping itu, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara status perkahwinan dengan tahap penghargaan sendiri dalam kalangan mualaf. Hubungan ini boleh dijelaskan kerana status perkahwinan sering dikaitkan dengan sokongan berterusan seperti sokongan emosi, sosial, dan kestabilan hidup. Mualaf yang sudah berkahwin biasanya menerima sokongan daripada pasangan dan keluarga. Secara tidak langsung, sokongan ini dapat meningkatkan rasa diterima dan dihargai dalam komuniti Islam, sekaligus memperkukuh penghargaan sendiri mereka (Yahya *et al.*, 2021; Yasin *et al.*, 2018). Berbanding dengan mualaf yang menjalankan kehidupan seorang diri cenderung berdepan dengan cabaran besar sehinggakan mengganggu kualiti hidup mereka.

Selaras dengan kajian oleh Zulkepli *et al.* (2022) di mana golongan ibu tunggal mualaf amat memerlukan sokongan daripada keluarga dan bekas suami terhadap perkembangan anak kerana hal ini sedikit sebanyak boleh membantu meningkatkan penghargaan sendiri dan kesejahteraan hidup. Tambahan pula, isu-isu berkaitan status perkahwinan mualaf seperti pengesahan perkahwinan, penceraian yang melibatkan tuntutan harta sepencarian, dan hak-hak dalam keluarga Islam turut mempengaruhi kestabilan emosi serta penghargaan sendiri mereka (Syed Ismail al-Qudsy & Hamidi, 2020). Secara keseluruhannya, tahap pendidikan dan status perkahwinan dilihat memainkan peranan dalam pengukuhan penghargaan sendiri mualaf yang boleh memberi impak kepada proses penyesuaian diri mereka sebagai seorang Muslim.

Kesimpulan

Keseluruhan dapatan kajian ini berupaya menjawab objektif kajian yang merangkumi tahap penghargaan sendiri, serta mengkaji hubungan antara tahap pendidikan dan status perkahwinan dengan tahap penghargaan sendiri dalam kalangan mualaf yang berdaftar dengan MAIDAM di daerah Kuala Nerus, Terengganu.

Hasil kajian mendapati bahawa majoriti responden berada pada tahap penghargaan sendiri mualaf yang sederhana, diikuti oleh tahap tinggi, dan tahap rendah. Tahap penghargaan sendiri yang diperoleh menggambarkan daya tahan psikologi serta keupayaan menyesuaikan diri terhadap kehidupan baru selepas memeluk Islam. Selain itu, hasil dapatan turut menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan dan status perkahwinan dengan tahap penghargaan sendiri, sekali gus membuktikan bahawa faktor latar belakang demografi memainkan peranan dalam pembentukan kualiti diri individu.

Namun begitu, kajian ini mempunyai limitasi dari segi lokasi dan saiz sampel yang kecil kerana hanya melibatkan mualaf di satu daerah sahaja. Sehubungan itu, kajian lanjutan yang lebih menyeluruh boleh dilaksanakan agar dapatan dapat digeneralisasikan kepada keseluruhan populasi mualaf di negeri Terengganu atau Malaysia secara umum. Secara tidak langsung, kajian ini turut menyumbang kepada Matlamat Pembangunan Mampan (SDG-3) berkenaan kesihatan mental dan kesejahteraan hidup bagi semua kumpulan masyarakat, serta Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dalam usaha memperkukuh perpaduan masyarakat. Oleh itu, hasil kajian ini boleh dijadikan gambaran awal dan panduan oleh pihak berkepentingan seperti institusi keagamaan dan kaunselor dalam merangka program intervensi yang lebih efektif ke arah pemeraksanaan komuniti mualaf.

Penghargaan

Penyelidikan ini telah dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2024/SS09/UMT/03/3).

Rujukan

- Abd Rahman, N. N. H. A., Abdullah, A., Abdullah, A. H., Darawi@Samat, A. B., & Nasir, B. M. (2022). Analisis Keperluan Program-Program Sokongan Sosial dalam Pemerkasaan Saudara Baru (Analysis of the Needs of Social Support Programs in the Empowerment of Muslims Convert). *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 9(2), 29-38. <https://doi.org/10.11113/umran2022.9n2.562>
- Abdul Rahman, N. N. H., Abdullah, A., Hamdan, M. N., & Ahmad, A. W. (2020). Hubungan Emosi Dan Akhlak Dalam Kekeluargaan Saudara Baru Selepas Memeluk Islam (Relation Between Emotions And Morality In Muallafs' Family Relationship After The Conversion). *UMRAN - Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(3-2). <https://doi.org/10.11113/umran2020.6n3-2.421>
- Ahmad, A. W., & Abd Rahman, N. N. H. (2020). Sokongan Sosial: Satu Keperluan Dalam Pemerkasaan Saudara Baru: Social Support: A Need for Empowerment New Muslims. *Jurnal Pengajian Islam*, 13(2), 238–253. <http://jpi.kuis.edu.my/index.php/jpi/article/download/58/52>
- Ali, Q. A. b., & Abdullah, M. Y. M. b. (2020). Tahap penyesuaian diri masyarakat mualaf di Sarawak. *Jurnal Pengajian Islam*, 13(2), 163-177. <https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/view/53>
- Aliakbar, M. Z. A. & Rasip, Z. M. (2024). Cabaran Mualaf di Malaysia dan Cadangan Penyelesaian. *Jurnal Pengajian Islam*, 16(1), 121–132. <https://doi.org/10.53840/jpi.v17i1.313>
- Awang, A., Mat, A. C., & Ghani, R. A. (2022). Challenges of Muallaf in Building Muslim's Identity in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(8), 1240 – 1252. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v12-i8/14391>
- Darusalam, G., & Hussin, S. (2021). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: amalan dan analisis kajian* (3rd ed.). Penerbit Universiti Malaya. <https://doi.org/10.14425/9789674881733>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2010). *Kamus Dewan* (Edisi ke-5). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hussain, M. A. M. B., Mohamed, H., & Elias, S. (2024). The level of happiness and self esteem among counsellors. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(9), 1580-1591. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v14-i9/22730>
- Junid, H., Mohamed Sidik, M. S., & Abdul Majid, N. H. (2022). Penghargaan sendiri dalam kalangan remaja di pusat pemulihan akhlak. *Journal Contemporary of Islamic Counselling Perspective*, 1(1), 180-189.
- Kawi, K., & Tan Abdullah, N. A. M. (2020). Isu dan cabaran saudara kita di Jabatan Agama Islam Sarawak. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(2), 28–43. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v10-i4/7145>
- Lim, H. L., & Ling, M. Y., Teh, C. H., Heng, P. P., Kee, C. C., Ghazali, S. M., Veloo, Y., & Lim, K. H. (2019). Construct validity and reliability of Rosenberg Self-Esteem Scale-Malay (RSES-M) among upper secondary school students in Malaysia. *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences*, 15(2), 32–38.
- Mat Rani, M. A., Ahmad Rosli, M. S. D., Abdullah, M., Izham, S. S., Said, S., Mohd Arif, M. I. A., & Adenan, F. (2022). Mengukur keberkesanan kelas pendidikan mualaf: Kemahiran guru dan kesan program mentor melalui pendekatan kaunseling dan motivasi. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 8(1), 147-170. <https://doi.org/10.24191/jcis.v8i1.7>

- Mazlan, N. A. M, & Mohad. A. H. (2022). Cabaran Mualaf dalam Membina Kehidupan Baharu: Satu Kajian Kes di Mukah, Sarawak, Malaysia. *Seminar Antarabangsa Falsafah, Tamadun, Etika dan Turath Islami (i-STET 2022)*, 19 Oktober 2022. Universiti Sains Islam Malaysia. <https://oarep.usim.edu.my/handle/123456789/18289>
- Mellinger, C. D., & Hanson, T. A. (2016). Quantitative research methods in translation and interpreting studies. Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781315647845>
- Mohd Noor, N. H., & Fuzi, A. F. (2024). Teknik persampelan dan penentuan saiz sampel bagi penyelidikan sains sosial. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 6(4), 313–324.
- Mohd Saat, A. H., & Azahari, R. (2022). Kesejahteraan Keluarga Menurut Perspektif Islam: Kajian Kualitatif: Family Wellbeing According to Islamic Perspective: A Qualitative Study. *Jurnal Syariah*, 29(3), 513–540. <https://doi.org/10.22452/syariah.vol29no3.6>
- Neff, K. D. (2011). Self-compassion, self-esteem, and well-being. *Social and Personality Compass*, 5(1), 1–12. <https://doi.org/10.1111/j.1751-9004.2010.00330.x>
- Neff, K. D., & Vonk, R. (2009). Self-compassion versus global self-esteem: Two different ways of relating to oneself. *Journal of Personality*, 77(1), 23-50. <https://doi.org/10.1111/j.1467-6494.2008.00537.x>
- Paramita, W., & Saifullah. (2022). Bimbingan dan konseling Islam dalam meningkatkan harga diri muallaf di Buleleng Bali. *Jurnal Kajian Bimbingan dan Konseling Islam*, 1(2), 80-86.
- Rahman, M. M. (2023). Sample size determination for survey research and non-probability sampling techniques: A review and set of recommendations. *Journal of Entrepreneurship, Business and Economics*, 11(1), 42-62. Retrieved July 10, 2025 from <https://scientificia.com/index.php/JEBE/article/view/201>
- Rosenberg, M. (1965). Rosenberg Self-Esteem Scale [Dataset]. In PsycTESTS Dataset. <https://doi.org/10.1037/t01038-000>
- Shaharuddin, S. A., Shaharuddin, H. N., Abdullah, M. Y. M., Amat Misra, M. K., & Fauzan, A. S. (2017). Cabaran dan permasalahan mualaf dan penyelesaiannya oleh Hidayah Centre Foundation (HCF). Dalam Prosiding Seminar Penyelidikan Antarabangsa dalam Pengajian Islam (ISRA 2017) (hlm. 203–213). Universiti Islam Selangor. <https://conference.uis.edu.my/isra/eprosiding/pdf/021-ISRA-2017.pdf>
- Sukhairi, A., Nuriyati, T., Erlisa, E., & Redhi. (2025). Pengaruh Pendidikan Agama Islam Terhadap Pengembangan Nilai-nilai Keislaman pada Remaja. *Jurnal Ilmiah Multidisiplin*, 2(5), 639-645.
- Syed Ismail al-Qudsy, S. H., & Hamidi, N. M. (2021). Mualaf di Malaysia: Isu dan penyelesaian pentadbiran oleh Majlis Agama Islam Selangor. *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies*, 39(1), 45–62. <https://doi.org/10.21315/km2022.40.1.7>
- United Nations. (2015). Transforming our world: The 2030 Agenda for Sustainable Development.
- Yaacob, M. J. (2006). *Validity and reliability study of Rosenberg Self-esteem Scale in Seremban school children*. Retrieved from <https://www.researchgate.net/publication/266041969>
- Yahya, S. A., Abdullah, N., Mamat, S., Alias, A., & Johari, N. A. (2021). Hubungan penghayatan agama dan sokongan sosial terhadap tekanan dalam kalangan mualaf di Melaka. *Jurnal 'Ulwan*, 6(1), 22–38. <https://www.unimel.edu.my/journal/index.php/JULWAN/article/view/843>

- Yasin, N., Manap, J., & Kassim, A. C. (2018). Pengaruh Penghargaan Kendiri Terhadap Kesejahteraan Psikologi Mualaf (The Self-Esteem Influence on Psychological Well-Being among Mualaf). *Journal of Social Sciences and Humanities*, 15(3), 173-182. <https://ejournals.ukm.my/ebangi/article/download/26958/8291>
- Zulkepli, S.A & Jasmi, K. A. (2022). Keperluan Sokongan Sosial dalam Pemerkasaan Saudara Baharu Ibu Tunggal. *Seminar Falsafah Sains dan Ketamadunan (SFST)*, 4(1), 161-171.